



## “ZAKAT FITRAH : PELENGKAP IBADAH DI BULAN RAMADHAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِمَّا  
رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا بَيْعَ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا  
شَفَعَةٌ وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ  
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,



Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT. dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Tajuk khutbah pada hari ini ialah : **"ZAKAT FITRAH; PELENGKAP IBADAH DI BULAN RAMADHAN"**.

**Sidang Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,**

Ramadhan adalah bulan kerahmatan dan keampunan. Di dalam bulan ini Allah SWT. mensyariatkan ibadah puasa selama sebulan bertujuan untuk mengangkat darjat manusia menjadi muttaqin disisi-Nya.

Firman Allah SWT. dalam surah Al-Baqarah ayat 183 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا  
كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa".*

Dalam bulan ini juga, kita digalakkan untuk mempertingkatkan amalan soleh terutamanya amalan yang bersifat menginfakkan harta seperti sedekah sunat dan sedekah wajib kerana Allah SWT. menjanjikan ganjaran pahala yang tidak terhingga banyaknya atas setiap kebajikan yang kita lakukan.



Oleh itu, marilah kita mempertingkatkan keupayaan kita untuk beramal khususnya amalan sedekah dan zakat kerana Nabi SAW. suka bersedekah lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadhan.

### **Kaum muslimin yang dikasihi sekalian,**

Di dalam Bulan Ramadhan, Allah SWT. telah memfardhukan zakat fitrah. Ia bertujuan untuk mensucikan diri dan jiwa orang-orang berpuasa dari segala dosa yang telah dilakukan sebelumnya. Disamping itu, zakat fitrah disyariatkan bertujuan untuk membela golongan fakir dan miskin agar mereka dapat menikmati Aidilfitri dengan rasa gembira.

Ini berdasarkan hadis daripada Ibnu Abbas RA. bahawa beliau menceritakan yang bermaksud :

*"Rasulullah saw telah memfardhukan zakat fitrah untuk membersihkan orang yang berpuasa dari perbuatan sia-sia dan dari perkataan keji dan untuk memberi makan orang miskin. Barang siapa yang mengeluarkannya sebelum solat aidilfitri, maka ia bererti zakat yang di terima dan barang siapa yang mengeluarkannya sesudah solat aidilfitri, maka itu bererti sedekah seperti sedekah biasa (bukan zakat fitrah)".*

*(Hadis Riwayat : Abu Daud, Ibnu Majah dan Daaruquthni)*

Oleh itu, para Ulama' ada mengatakan bahawa seseorang yang melengahkan bayaran zakat fitrah sehingga luput waktu menunaikannya (selepas solat Aidilfitri), maka mereka telah berdosa dan masih wajib menunaikan zakat fitrah selepas waktu itu. Bahkan zakat fitrah tersebut menjadi hutang atas diri mereka sehinggalah dia menunaikannya walaupun pada akhir hayatnya.



Sesungguhnya, zakat fitrah ini adalah diwajibkan kepada setiap individu muslim yang hidup dalam bulan Ramadhan dan Syawal sama ada mereka daripada kalangan merdeka atau hamba, lelaki atau wanita, dewasa atau kanak-kanak miskin atau kaya.

Hadis daripada Abdullah Ibnu Umar RA. bahawa beliau memberitahu dengan katanya:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ  
شَعِيرٍ عَلَى الْعَبْدِ الْحُرِّ وَالذَّكَرِ وَالْأُنْثَى وَالصَّغِيرِ  
وَالكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ  
خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ.

*"Rasulullah SAW. telah menentukan wajibnya zakat fitrah, satu gantang dari buah tamar atau satu gantang dari sya'ir (sejenis gandum) atas setiap hamba abdi atau merdeka, lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau dewasa daripada kalangan umat Islam. Baginda memerintahkan agar ia dibayar sebelum orang ramai keluar menunaikan solat (Aidil Fitri)."*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).*

Hadis ini juga menjelaskan tentang kadar zakat fitrah yang wajib ditunaikan ialah sebanyak 2.7 kilogram makanan asasi yang harus ditunaikan dalam bentuk matawang berdasarkan harga semasa beras tersebut



sebagaimana yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Negeri Selangor. Untuk makluman para Jemaah sekalian, nilai zakat fitrah di Negeri Selangor bagi tahun 2014 yang wajib kita tunaikan ialah sebanyak RM7.00 seorang.

Oleh itu, khatib ingin mengajak seluruh umat Islam untuk menjadikan bulan Ramadhan ini sebagai langkah permulaan untuk berzakat. Tunaikanlah zakat fitrah kepada amil-amil fitrah yang bertauliah seramai 2,427 orang amil yang dilantik yang berada di masjid, surau atau pasaraya atau di mana-mana 25 kaunter zakat di negeri Selangor yang dibuka 7 hari seminggu di sepanjang Ramadhan ini. Bahkan, kita juga boleh menunaikan zakat melalui kemudahan lain yang disediakan seperti khidmat pesanan ringkas (SMS), perbankan internet, kad debit dan kredit islamik, ejen syarikat dan IPT.

Selain itu, pastikan harta-harta kita yang lain seperti pendapatan, wang simpanan, emas dan perak, perniagaan, saham-saham yang halal, wang yang dikeluarkan dari KWSP, hasil pertanian dan penternakan dan lain-lain lagi telah ditunaikan haknya dengan zakat melalui kemudahan-kemudahan yang telah dinyatakan tadi.

Segala kemudahan tersebut adalah untuk kita semua dapat menunaikan kewajipan zakat dengan sempurna dan selesa. Bahkan, perkhidmatan 25 kaunter zakat dan khidmat kaunter-kaunter bergerak diseluruh Selangor yang bukan hanya sekadar membuat kutipan sahaja tetapi ia juga memberi kemudahan untuk menerima permohonan bantuan zakat.

### **Muslimin yang di rahmati Allah sekalian,**

Bersempena dengan Ramadhan dan Hari raya Aidilfiri tahun ini, Lembaga Zakat Selangor telah menyegerakan pengagihan sebanyak



RM23.4 juta kepada seramai 32,843 keluarga asnaf fakir dan miskin di Selangor. Ini dilakukan demi memastikan mereka dapat menjalani ibadah puasa dan meraikan Hari raya Aidilfitri tahun ini dengan lebih sempurna.

Sebenarnya jumlah agihan ini melebihi daripada jumlah sebenar kutipan zakat fitrah yang telah diperolehi pada tahun 2013 iaitu berjumlah RM19.6 juta. Namun, melalui pengurusan kutipan dan agihan yang sistematik dan tersusun maka LZS dapat memastikan setiap asnaf fakir dan miskin yang layak tidak tercicir untuk menerima bantuan zakat pada tahun ini.

Bahkan, pihak LZS telah menambah nilai bantuan sebanyak RM7.5 juta lagi kepada golongan fakir dan miskin bagi menghadapi Ramadhan dan Hari Raya pada tahun ini berbanding tahun lalu. Penambahan jumlah agihan ini adalah kesan daripada kesedaran umat Islam terhadap kewajipan zakat yang semakin meningkat.

Semoga Allah mengurniakan ganjaran pahala yang sebanyak-banyaknya kepada insan yang berzakat dan semoga Allah memberkati baki harta yang mereka miliki dan semoga pemberian zakat mereka ini dapat mensucikan jiwa dan harta mereka, Insyaallah.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Itulah doa istimewa yang disarankan untuk dibaca oleh penerima zakat untuk diucapkan kepada insan-insan pemurah yang menunaikan zakat. Apabila umat Islam dalam sebuah negara yang aman dan tenteram hidup berkasih sayang tanpa mengira darjat, golongan kaya memenuhi keperluan golongan yang miskin lalu si miskin mendoakan kesejahteraan kepada sikaya maka akan wujudlah ukhuwah dan saling hormat menghormati. Kesannya, tiada lagi manusia yang kaya terus-terusan mendabik dada, juga hilanglah



manusia yang fakir miskin meminta-minta kerana sesungguhnya dalam harta yang diperoleh golongan kaya sebenarnya mengandungi hak golongan fakir dan miskin yang perlu dikeluarkan.

Ini dinyatakan oleh Allah S.W.T. dalam Surah Adz-zariyat, ayat 19 :

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ

*"Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian Yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin Yang meminta dan orang miskin Yang menahan diri (daripada meminta)".*

### **Muslimin yang dikasihi sekalian,**

Akhirnya, khatib ingin mengajak para jemaah sekalian :

1. Marilah kita mempertingkatkan amalan di bulan Ramadhan khususnya amalan sedekah dan zakat kerana Allah menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda kepada hamba-hambaNya yang beramal.
2. Bersempena bulan Ramadhan, janganlah melengahkan untuk menunaikan zakat fitrah kerana ia merupakan kefardhuan yang ditetapkan dalam bulan Ramadhan selain daripada kefardhuan puasa. Tiada alasan lagi untuk tidak menunaikannya kerana segala kemudahan telah disediakan secukupnya.
3. Sesungguhnya zakat merupakan rahmat Allah kepada seluruh alam. Apabila kita patuh menunaikan zakat, maka Allah akan mengurniakan keberkatan harta, ketenangan jiwa, keamanan dan kedamaian hidup lebih-lebih lagi keredhaan disisi Allah di dunia dan di akhirat.



4. Setiap muslim hendaklah sentiasa bermuhasabah diri dan menginsafi keadaan hidup orang-orang fakir dan miskin dan sama-sama bertanggungjawab membantu mereka.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ  
وَتَثْبِيْتًا مِّنْ أَنْفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ  
فَعَاتَتْ أَكْطَافَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطَلٌّ  
وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

*"Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang kamu lakukan".*

(al-Baqarah : 265).





بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ،  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ،  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،  
اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ  
اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ



وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ  
بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى  
وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ  
الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ شَرَفِ  
الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ  
صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ . اللَّهُمَّ  
أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو  
أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ



شَاهِ الْحَاجَّ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ  
وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*  
JAIS/Nurul  
18.07.2014